

Artikel

Tapak Warisan Negeri Kedah: Penelitian Dari Aspek Arkeopelancongan Dan Pengaruh Persekitaran
(*Kedah Heritage Sites: Research from The Archaeotourism Aspect and The Environmental Influence*)

Farhana Abdullah¹ Zuraidah Hassan² & Adnan Jusoh¹

¹Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia

²Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka (UNIMEL), 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia

*Pengarang Koresponden: anahana_33@yahoo.com

Abstrak: Kajian tapak warisan Negeri Kedah bermula sekitar 1840-an di Lembah Bujang sehingga kini. Pelbagai jenis tapak warisan terutamanya tapak arkeologi di ditemui di sekitar kawasan di Lembah Bujang khasnya di Pengkalan Bujang, Sungai Mas dan Sungai Batu. Definisi Lembah Bujang merangkumi kawasan dari Sungai Sala di Utara, Gunung Jerai, Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda hingga ke Cherok Tokkun. Keadaan ini menyumbang kepada penemuan kajian ke arah arkeologi pelancongan kerana memberi impak yang besar kepada komuniti setempat dan negara khasnya. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian di lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian di lapangan di lakukan dengan melakukan tinjauan di kawasan terlibat. Manakala, kajian kepustakaan melibatkan pencarian sumber primer dengan merujuk laporan ekskavasi oleh Jabatan warisan Negara dan laporan bertulis yang terdapat di simpanan perpustakaan muzium Negara dan beberapa universiti awam. Tapak-tapak warisan yang diteliti melibatkan tapak-tapak yang kerap dilawati oleh para pelancong tempatan mahupun pelancong luar negara. Hasil kajian mendapati bahawa faktor persekitaran memainkan peranan penting dalam menyumbang peningkatan kedatangan pelancong untuk menarik minat pelancongan mengenai arkeopelancongan di Lembah Bujang. Makalah ini cuba menjelaskan aspek arkeopelancongan yang dapat diadaptasikan dengan penemuan tapak warisan negeri Kedah di Lembah Bujang dan melihat faktor persekitaran yang menyumbang kepada terjadinya penemuan tapak warisan negeri Kedah.

Kata kunci: tapak warisan, Lembah Bujang, arkeologi, arkeopelancongan, pengaruh persekitaran

Abstract: The study of heritage sites in Kedah began around the 1840s in the Bujang Valley until now. Various types of heritage sites especially archaeological sites are found around the Bujang Valley, particularly in Pengkalan Bujang, Sungai Mas and Sungai Batu. The definition of Bujang Valley includes the area from Sungai Sala in the North, Gunung Jerai, Sungai Merbok Valley and Sungai Muda to Cherok Tokkun. This situation contributes to the research on archaeotourism because it has a great impact on the local community and the country in particular. The research method used in this study are field research and library research. Field research was done by carrying out an observation in the area involved. Meanwhile, library research involved searching for primary sources by referring to excavation reports by the National Heritage Department as well as written reports found in the National Museum Library and some public universities. The research heritage sites involved sites that were frequently visited by both local and foreign tourists. The results of the study found that environmental factors play an important role in contributing to the increase in tourist arrivals that attract tourism interest in archaeotourism in the Bujang Valley. This paper explains the archaeotourism aspect that can be adapted through the discovery of Kedah heritage sites in the Bujang Valley and focuses at the environmental factors that contribute to the discovery of Kedah heritage sites.

Keywords: heritage site, Bujang Valley, archeology, archaeotourism, environmental influence

Pengenalan

Negeri Kedah selain didiami oleh masyarakat prasejarah turut dijumpai penemuan masyarakat di zaman protosejarah. Perkembangan arkeologi di Negeri Kedah berkembang sejak era 1840-an sehingga kini. Pelbagai jumpaan arkeologi seperti jumpaan monument candi, tembikar serta pelbagai jumpaan artifak lain yang banyak di sekitar kawasan Lembah Bujang dan perkembangan masyarakat awal di Kedah memberi bukti jelas tentang kewujudan ketamadunan di Kedah. Bukti-bukti arkeologi jelas menunjukkan negeri Kedah melalui tahap-tahap prasejarah, protosejarah dan sejarah seperti tempat-tempat lain di dunia. Di Kedah, aspek arkeopelancongan dibuktikan melalui data dan jumpaan arkeologi di beberapa kawasan sekitar Kedah terutamanya di Lembah Bujang. Jumpaan ini menarik minat para pelancong untuk datang menerokai aspek arkeopelancongan warisan di Kedah. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan adanya beberapa program arkeopelancongan yang dilaksanakan oleh Jabatan Warisan Negeri Kedah dengan Kerjasama Jabatan Muzium yang terlibat.

Negeri Kedah mempunyai zaman prasejarah, protosejarah sehingga ke zaman moden. Bukti-bukti arkeologi menunjukkan sejarah Kedah merupakan negeri Utara yang mempunyai rentetan sejarah yang menarik untuk dikaji. Sejarah Kedah yang berkesinambungan dari zaman prasejarah sehingga ke zaman moden mempunyai nilai warisan yang tinggi untuk di beri perhatian. Malahan faktor persekitaran menjadi penyumbang utama kehadiran tapak warisan yang bertaburan di sekitar Lembah Bujang. Hal ini menjadi daya penarik kepada para pelancong untuk lebih mendekati nilai warisan yang ditinggalkan.

Kajian Literatur

Sepanjang 180 tahun perkembangan arkeologi di Malaysia pelbagai penemuan yang ditemui dapat membentuk, menambah dan membuktikan pelbagai episod persejarahan negara iaitu dari zaman prasejarah, zaman protosejarah dan zaman sejarah. Kegiatan arkeologi adalah bermula pada tahun 1840an dan berkembang menjadi kaedah kajian yang lebih baik. Arkeologi telah menemukan pelbagai sintesis, hipotesis dan teori mengenai pensejarahan negara. Perjalanan arkeologi di Malaysia boleh dilihat kepada 4 turutan. Pertama adalah kegiatan arkeologi dari tahun 1840an sehingga 1910an, kedua adalah perkembangan dari tahun 1910 hingga 1957, ketiga adalah sekitar tahun 1958 hingga 1970 dan perkembangan sehingga kini yang bermula dari tahun 1970an (Yunus & Wan, 2010).

Penyelidikan arkeologi protosejarah di Kedah berjalan dengan jayanya apabila pelbagai kajian arkeologi yang telah dilakukan dan telah menemui pelbagai artifak terutamanya tapak candi yang dapat digunakan untuk membina sejarah berkaitan dengan isu seperti agama, epigrafi, ikonografi, candi, perdagangan dan proses indianisasi. Lebih dari 70 tapak ekskavasi dijumpai di sekitar Lembah Bujang. Tapak yang berperanan besar dan dipanggil kompleks iaitu terdiri dari tapak Sungai Mas, Bukit Batu Pahat, Merbok, Bukit Pendi, Bukit Choras dan Kompleks Pencandian Pengkalan Bujang (Sabtu, 2000). Antara jumpaan-jumpaan penting bagi tapak-tapak ini ialah struktur tapak binaan candi-candi, patung-patung agama, barangan kaca, manik, artifak logam serta emas dan tidak ketinggalan sejumlah besar barangan tembikar yang diusahakan secara lokal mahupun yang dibawa masuk melalui perdagangan (Leong, 2000).

Permulaan kajian arkeologi dilakukan oleh Kolonel (1848) yang tertumpu di Seberang Perai dan Lembangan Sungai Muda sekitar tahun 1840an dan turut memfokuskan kepada kerajaan 'hindoo' iaitu dari segi peninggalan artifak masyarakat hindu iaitu candi dan inskripsi (Rahman, 2012). Di Sungai Batu, I.H.N Evans telah menjalankan kerja ekskavasi pada tahun 1921. Pada tahun 1936-1937, Quaritch Wales dan Dorothy Wales juga membuat kajian di Lembah Bujang dan menemui 30 tapak candi dan menggali sebanyak 20 tapak menggunakan kaedah yang lebih bersistematik dan teratur.

Satu dekad selepas Perang Dunia Kedua, pada pertengahan tahun 1950an, K.G. Tregonning dari Universiti Malaya dan M. Sullivan dari Muzium Perak membuat sedikit kemajuan apabila membuat penyelidikan pada Tapak 31 di Permatang Pasir (Sullivan, 1958). Satu siri tugas arkeologi bermula dengan usaha menjalankan kerja-kerja penyelidikan arkeologi di bawah arahan mereka. Sullivan bertanggungjawab menjalankan cari gali di tapak Permatang Pasir pada tahun 1958. Antara kawasan yang turut menjadi tumpuan kajian adalah di Kampung Gua Kepah, Neo Bah Estate (Tikam Batu), Kampung Matang Pasir, Bukit Batu Lintang, Kampung Sireh, Kampung Pokok Kabu, Kampung Pinang Tunggal dan Kampung Pulau Seberang Perai (Foong, 1959).

Seterusnya, Alaister Lamb memulakan kerja cari gali di Lembah Bujang pada tahun 1959 dan telah menjumpai banyak seramik dan artifak lain (Lamb 1961). Walau bagaimanapun, tembikar yang diperolehi banyak dalam bentuk serpihan. Hal ini kerana tembikar tersebut terlibat dengan aktiviti perdagangan serta cara penyimpanan yang tidak sempurna (Lamb, 1961).

Antara tahun 1972-1978, Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA) atau kini dipanggil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menjalankan projek ekskavasi dan membina semula beberapa tapak candi iaitu tapak 21 dan 22 kecuali tapak 23. Jumpaan penting tapak ini adalah Arca budha dari terrakota, Arca Budha dari gangsa, bata yang mempunyai inskripsi, kala dan arca Ganesha daripada tanah liat. Berdasarkan pentarikhan relatif yang dilakukan, ia menunjukkan tapak ini digunakan sekitar abad ke 9 hingga 10 (Rahman & Yatim, 1992).

Allen (1988) turut melakukan kajian di Kedah iaitu di Sungai Mas. Berdasarkan kajiannya bertajuk "Trade, transportation and tributaries: exchange, agriculture and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia" telah menjumpai sebanyak 12 buah tapak arkeologi bersama jumpaan artifak yang terdiri daripada bahan binaan, seramik asing, tembikar tanah, kaca, manik dan batu bersurat (Rahman & Kamaruddin, 1993).

Leong Sau Heng dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya melalui tesis sarjananya yang pada tahun 1971-1973 telah melakukan ekskavasi di Pengkalan Bujang di bawah pengawasan B.A.Y Peacock. Beliau telah menemukan sejumlah artifak seperti tembikar tanah, seramik China, pecahan kaca dari Asia Barat dan manik dari India. Kebanyakan seramik yang dijumpai itu berada dalam keadaan pecah. Artifak tersebut adalah yang berkaitan dengan perdagangan yang berlaku di Lembah Bujang. Berdasarkan data-data yang diperolehi, beliau telah membuat kesimpulan bahawa Pengkalan Bujang bukanlah sebuah penempatan biasa tetapi sebuah pusat perdagangan entrepot yang pernah dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari Timur (China dan India), Barat dan Asia Barat (Abdullah, 2013).

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman telah menjalankan ekskavasi percubaan yang pertama di kawasan tanah lot 567 (tapak 33) Pada tahun 1981 dengan misi penyelidikan berkaitan "Art, archaeology and the early kingdoms in the Malay Peninsular and Sumatera: 400-1400 A.D". Seterusnya pada tahun 1990, Nik Hassan Shuhaimi sekali lagi bersama-sama Kamaruddin Zakaria membuat kajian di Pengkalan Bujang dan melaporkan penemuan baru. Penemuan batu bersurat Sungai Mas dan terbongkarnya berpuluh ribu artifak kesan projek pembinaan tali air telah menarik perhatian pelbagai pihak. Dari tahun 1986 hingga 1991, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan kerjasama Nik Hassan Shuhaimi dan pelajar Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjalankan projek ekskavasi di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang, Mukim Bujang, khususnya di tapak 23. Terdapat enam buah candi dijumpai di kompleks ini dalam kawasan seluas 3.5 hektar. Ekskavasi dilaksanakan untuk mendapatkan data berkaitan kepadatan dan kepelbagaian artifak untuk kajian perbandingan dengan Sungai Mas.

Seterusnya kajian 2nd Intra-ASEAN Archaeological Excavation And Conservation Bujang Valley, Kedah telah diadakan pada 4 -27 Oktober 1985. Projek ini telah disertai oleh pakar-pakar arkeologi dan geomorfologi dari Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia yang diketuai oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman. Projek ini telah mengukuhkan lagi bukti-bukti penting yang memerlukan pelan tindakan yang komprehensif. (Rahman, 1989).

Pada tahun 1990-1991, penyelidikan bersama di antara JMA dan UKM, Centre National de la Recherche scientifique, Paris dan Pusat Penyelidikan Timur, Perancis telah dilakukan. Manakala di Malaysia pula diwakili oleh Michel Jacq- Herquoual'h. Ekskavasi semula telah dilakukan pada tahun 2004-2005 oleh Zulkifli Jaafar dari JMA telah mendedahkan keseluruhan candi dan sebuah binaan berbumbung bagi melindungi candi dari kesan panas dan hujan, tapak ini juga dibiarkan secara insitu (Ramli, 2013).

Penyelidikan dan ekskavasi arkeologi di Sungai Batu pula telah menemukan tapak peleburan besi yang dibina antara abad ke-2 hingga ke-5 Masihi (Akmar et al., 2011). Antara artifak dan features yang ditemui ialah bijih besi, sanga besi, peralatan diperbuat daripada besi, tuyere dan relau meleburkan besi. Berdasarkan sumber Arab-Parsi, masyarakat di Kedah Tua telah pun mahir dalam menghasilkan pedang daripada besi dan berdasarkan kenyataan ini, aktiviti peleburan besi berterusan sehingga abad-abad seterusnya dan bukannya hilang pada abad ke-5 Masihi (Akmar et al., 2011).

Pada awal tahun 1970, kerajaan negeri Kedah mula memberikan perhatian yang serius terhadap industri pelancongan kerana industri ini menampakkan potensi yang besar untuk berkembang. Beberapa sumber tarikan pelancong seperti Istana Kota Setar atau Muzium Negeri (1936), Balai Nobat atau Pentas Diraja (1907), Balai Besar (1989), Masjid Zahir (1912) dan Pekan Rabu (1920) menjadi tumpuan. (Zaharuddin, 2016).

Kerajaan negeri telah menyusun beberapa strategi kearah pembangunan yang lebih dinamik dan mapan. Secara khususnya, strategi pembangunan pelancongan negeri Kedah di beri tumpuan melalui Pelan Struktur Langkawi 1990-2005, Pelan Tindakan Pembangunan Kedah 1991-2000 (KDAP) dan Pelan Tindakan Kedah Maju 2001-2010 (Razak & fadzlin, 2005).

Methodology

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan dua kaedah yang utama iaitu data arkeologi dan kajian lapangan. Data arkeologi menggunakan sumber sekunder yang diperoleh daripada bahan terbitan oleh penyelidik terdahulu seperti jurnal, buku dan rekod laporan arkeologi. Sumber ini penting untuk melihat sejauh mana kewujudan tapak arkeologi ini memberi kesan terhadap masyarakat dalam sektor arkeopelancongan tempatan terhadap perkembangan dan pembangunan industri pelancongan di Lembah Bujang, Kedah. Kajian lapangan pula digunakan untuk meninjau kawasan yang terlihat secara tersusun merangkumi keseluruhan kawasan Pengkalan Bujang, Sungai Mas dan Sungai Batu. Tapak-tapak ini dipilih berdasarkan kesan tinggalan bata candi yang masih kelihatan di atas permukaan tanah sama ada yang telah di bangunkan semula atau tapak lama yang telah di buat penyelidikan berserta tinggalan tapak baru yang ditemui dan belum di buat penandaan.

Kajian ini dijalankan dengan kaedah penyelidikan kualitatif dan menekankan aspek sumber-sumber primer dengan membuat kajian mengenai sejarah di negeri Kedah di samping mendapatkan bukti-bukti pensejarahan yang berkaitan dengan tumpuan diberikan kepada aspek sejarah dan arkeopelancongan. Kajian ini akan melibatkan beberapa pendekatan antaranya;

- Kajian juga membuat pendekatan sejarah dan arkeologi berdasarkan tapak-tapak warisan melalui sumber-sumber berkaitan dokumen lama sejarah negeri kedah
- Kajian memberi fokus kepada tapak-tapak arkeologi dan hubungkaitnya dengan arkeopelancongan di negeri Kedah
- Kajian kepustakaan akan dilakukan di beberapa perpustakaan universiti di Malaysia, Arkib Negara Malaysia, perpustakaan muzium negara dan perpustakaan awam Merbok di Kedah.
- Kajian lapangan diperlukan untuk melihat tapak-tapak warisan di negeri Kedah, mengenalpasti lokasi dan tempat untuk menjalankan penyelidikan, dan perubahan persekitaran yang berlaku di kawasan kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Kawasan kajian melibatkan Lembah Bujang yang terdapat di negeri Kedah iaitu kawasan yang terdapatnya tapak warisan arkeologi di negeri Kedah. Lembah Bujang merupakan kawasan yang terletak di bahagian Utara Semenanjung. Secara geografinya Lembah Bujang berada di antara kedudukan yang strategik berdasarkan kepada keadaan bentuk muka buminya ianya dikelilingi oleh anak-anak sungai di sekitar merbok yang mengalir ke Selatan tanah air. Secara umumnya Lembah Bujang di aliri oleh lembangan sungai utama yang terdiri daripada lembangan sungai Merbok, Sungai Muda, Sungai Petani, Sungai Bujang dan Sungai Trus. Lokasinya yang strategik di tengah-tengah laluan perdagangan antarabangsa di selat Melaka menjadikan Lembah Bujang mempunyai kelebihan berbanding tempat lain di Utara Semenanjung.

Dari aspek rasional pemilihan kawasan kajian, Lembah Bujang dipilih kerana kebanyakan kawasan tapak warisan arkeologi terdapat dalam lingkungan zon Lembah Bujang. Kegemilangan Lembah Bujang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Pengkalan Bujang dan Sungai Mas. Pusat pentadbiran awal kerajaan Kedah Tua terletak di Sungai Mas pada abad ke 5 Masihi dan berpindah ke Pengkalan Bujang pada abad ke 9 Masihi (Rahman, 1984).

1. Arkeopelancongan di Lembah Bujang

Terdapat tiga elemen penting yang dianggap boleh menyumbang kepada prospek perkembangan arkeopelancongan di Lembah Bujang, iaitu lokasi yang strategik, alam semula jadi dan tapak warisan. Menurut Adnan (2015) mengatakan Lembah Bujang adalah kawasan popular di antara pelancong. Kajian kepuasan pelanggan yang telah dilakukan menunjukkan frekuensi yang memberangsangkan dalam menjadi lokasi pelancongan yang popular dan terdapat beberapa perkhidmatan yang perlu ditambah baik. Farhana (2016) memperkatakan mengenai isu, dilema dan cabaran dalam menjadikan Lembah Bujang sebagai arkeopelancongan. Beliau mengatakan terdapat pelbagai kerosakan yang berlaku pada candi akibat tiada jagaan yang rapi dan sikap ambil mudah di kalangan penduduk kampung. Kebanyakan tanah orang kampung banyak dijadikan tanah pertanian mahupun dijadikan kawasan perumahan. Hanya tapak di sekitar kawasan muzium sahaja yang dipelihara dengan baik dan dijaga oleh pihak muzium dan tapak yang baru ditemui di Sungai Batu

2. Pengaruh Persekitaran Lembah Bujang

Dari segi geografi, Lembah Bujang mengandungi tiga unit utama iaitu sungai, gunung-ganang, bukit-bukit gundul, dan lembah serta pantai. Maklumat dari kajian geomorfologi telah membantu para ahli arkeologi untuk meyakinkan serta menggambarkan di mana, bila dan mengapa lokasi-lokasi tertentu digunakan oleh manusia pada zaman lampau. Sebuah tempat untuk petempatan dipilih biasanya kerana keadaan tertentu seperti mudah didatangi, terlindung daripada bencana semula jadi dan serangan dari luar, dan bekalan makanan yang terdapat di situ. Tiga jenis lokasi dipilih oleh mereka ketika menetapkan petempatan mereka di Lembah Bujang. Jenis-jenis itu ialah pantai dan tebing di sepanjang Sungai Merbok, jalan air semula jadi di sepanjang Sungai Muda dan cerun kaki bukit dan gunung-ganang.

Dalam konteks hubungan di antara geomorfologi dan tapak arkeologi, kajian pembentukan bentuk muka bumi dapat memberi gambaran yang lebih tentang kenapa dan bila aktiviti budaya seperti tempat kediaman, Pelabuhan dan lain-lain berlaku di satu-satu tempat seperti yang disebut lebih awal iaitu manusia memerlukan keadaan alam sekitar yang sesuai untuk membuka sesebuah kawasan pertempatan seperti kemudahan laluan, perlindungan daripada bencana alam dan serangan dari musuh serta juga kewujudan sumber makanan (Jamaluddin, 2008) Bukti ini jelas menunjukkan bahawa Lembah Bujang kaya dengan tapak untuk eksplorasi arkeologi dan dijanakan semula melalui arkeopelancongan.

3. Sungai

Lembah sungai Merbok Kedah mempunyai tinggalan sejarah dan warisan yang amat bernilai merangkumi kawasan dari Gunung Jerai hingga Sungai Muda. Kawasan pesisir pantai, di Guar Kepah diketahui telah dihuni oleh masyarakat manusia sejak awal tahun 3000 Sebelum Masihi Penyelidikan arkeologi terkini membuktikan bahawa kebudayaan dan teknologi besi telah berkembang di kawasan Lembah Sungai Merbok – Muda selewat-lewatnya sejak kurun ke-6 Sebelum Masihi. (Khaw et al ., 2019).

Sungai Merbok mempunyai kuala yang amat luas, antaranya Tanjung Dawai yang terletak di tebing kiri Pantai Merdeka yang lebar kualanya kira-kira 9 km. Namun Kuala Sungai yang amat luas itu tidak sepadan dengan alirannya yang pendek hanya kira-kira 20 km sahaja. Jikalau dikira dari hulunya tempat bernama Sungai Bongkah dan Sungai Lalang hanya kira-kira 3 km sahaja jarak dari Pekan Bedong. Sebuah lagi hulunya bermula di beberapa batang sungai kecil yang masuk mengalir ke Sungai Merbok iaitu Sungai Puntar, Sungai Tok Pawang, Sungai Merbok Kecil, Sungai Baru, Sungai Bujang, Sungai Batu Pahat, Sungai Gelam, Sungai Terus, Sungai Teluk Wang Besar, Sungai Dedap, Sungai Meriam, Sungai Petani dan aliran anak sungai yang lainnya. Bandar dan pekan yang terdapat di sepanjang lembah Sungai Merbok ialah Bedong, Pekan Merbok, Pengkalan Kakap, bandar Sungai Petani. Di kualanya pula terletak pekan Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka yang dijadikan tempat percutian dan rekreasi.

Di samping itu, antara kurun ke-2 hingga ke-14, kerajaan Kedah Tua telah berkembang, merangkumi kawasan dari Bukit Choras di Utara, Gunung Jerai, Jeniang, Lembah Sungai Merbok- Muda hinggalah ke Cherok Tokun di Selatan Kedah. Hal ini dibuktikan dengan penemuan candi yang kebanyakannya ditemui sepanjang pesisir sungai, seramik-seramik asing dan archa Hindhu- Buddha dan prasasti di sekitar sungai Bujang dan Sungai Mas. Jumpaan ini membuktikan bahawa Lembah Sungai Merbok- Muda merupakan pusat

kepada aktiviti perdagangan Kedah Tua yang berlaku pada kurun ke-14. Kawasan tebing Sungai Muda, Sungai Merbok dan Sungai Terus serta kaki Gunung Jerai mula diteroka untuk tujuan petempatan, pertanian dan perniagaan sejak kurun ke-12. Kesesuaian Kota ini sebagai Pelabuhan dan petempatan utama dengan sistem politik masyarakat Melayu pada ketika itu berkait rapat dengan laluan sungai (Gullick, 1969).

Beberapa tapak petempatan awal yang terletak dalam satu kawasan di antara tebing selatan Sungai Merbok dan tebing Utara Sungai muda juga dalam kawasan ke selatan sungai Muda telah dijumpai. Salah sebuah cabang sungai Merbok bercantum dengan salah satu cabang sungai Muda yang membentuk satu aliran air yang boleh dilayari antara kedua-dua buah sungai. Penduduk di di antara dua buah lembah sungai mempunyai dua jalan keluar ke laut yang amat penting iaitu Kuala Muda dan Kuala Merbok. Justeru itu, kedudukan geografi memainkan peranan amat penting dalam evolusi dan perkembangan beberapa petempatan di daerah ini (Rahman & Yatim, 1992) Beberapa buah tapak terawal dijumpai berhampiran Lembah Sungai Muda oleh Kolonel James Low iaitu di Cherok Tokun dan Bukit Meriam di Sungai Trus (Braddel, 1980) dengan dijumpai Inskripsi Buddha dan tinggalan struktur candi. Pada tahun 1936-1937 Quarith Wales dan Dorathy Wales menjumpai tapak 26 di Bukit Meriam dan tapak 27 di Sungai Trus dan Kampung Batu Lintang Serokam tapak 28 bersama pinggan tembikar. Tapak 29 di Kota Aur dan tapak 24. Pada tahun 1941 Dorothy Wales meneruskan penyelidikan di Seberang Prai dan Guar Kepah dan menjumpai Tapak Candi bahagian bawah sebuah struktur yang dikenal pasti sebagai sebuah 'stupa'. Kemudian tapak Permatang Pasir iaitu tapak 31 yang merupakan sebuah candi Hindu jenis 'vimana-mandapa'. Minat terhadap arkeologi dalam kawasan Sungai Muda marak semula pada awal tahun 1980 kerana serpihan seramik, kaca dan manik dijumpai semasa kerja-kerja membina sebatang tali air merentas betul-betul ditengah-tengah sebuah kampung Bernama kampung Sungai Mas (Rahman & Yatim, 1992).

Daripada sejarah Kedah dikatakan terdapat tiga jenazah Sultan Kedah yang dimakamkan di Bukit Meriam, Sultan Muzaffar Syah 1 (1136-79), Sultan Muazzam Syah (1197-1202), Sultan Muhammad Syah (1202-37), manakala dua Sultan yang dimakamkan di Kota Sungai Mas, iaitu Sultan Muzzil Syah (1237-80) dan Sultan Mahmud Syah 1 (1280-1321). Kesemua sultan Kedah yang dimakamkan di Kota Bukit Meriam dan juga di Kota Sungai Mas tidak dapat dikesan makamnya, kecuali makam Sultan Muzaffar Syah 1 yang terdapat di Pengkalan Bujang Merbok.

Pusat-pusat pemerintahan kesultanan Kedah di lembangan Sungai Muda sebelum Islam ialah seperti di Kota Langkasuka, Kota Bandar, Kota Sidin, Kota Ok, Kota Arung-Arungan, Bukit Meriam dan di beberapa tempat lagi sepanjang lembangan Sungai Muda. Pemerintahan raja-raja Kedah sebelum Islam di lembah Sungai Muda bermula dari abad ke-8 hingga abad ke-11 Masihi. (Nasir, 2005).

Sebelum campur tangan British di Kedah pada tahun 1909, jalan air menerusi sungai merupakan sistem perhubungan terpenting di Sungai Petani di mana ianya merupakan salah satu aliran dari Sungai Merbok. Sungai Petani merupakan sebuah bandar yang strategik kerana berkedudukan di tengah-tengah negeri Kedah Darul Aman dan terletak di kawasan lembah Sungai Merbok selain di sebelah Utara terlindung oleh Gunung Jerai. Pengangkutan air merupakan salah satu kaedah untuk menghubungkan manusia ke sesuatu destinasi pada suatu ketika dahulu. Sungai Merbok misalnya menjadi jalan perhubungan penting yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan kawasan pesisir pantai. Merbok telah muncul sebagai sebuah pusat Pelabuhan dan persinggahan untuk menukar barang dagangan sejak abad ke-2. Justeru, sungai Merbok secara tidak langsung menjadi pusat pengumpulan bahan mentah dan komoditi tempatan. Hasil pertanian, makanan dan hasil hutan dari kawasan pedalaman di bawa ke Pelabuhan Merbok melalui Sungai Merbok. Malah pertengahan abad ke-20 iaitu sebelum tahun 1960, jeti dan Pengkalan di Kedah masih sibuk dengan tongkang dan perahu yang membawa barang dagangan seperti beras, arang, papan, ikan kering dan barangan import dari Siam, Burma, Pulau Pinang dan negara-negara lain.

Jadual 1. Tapak candi yang ditemui sepanjang Sungai di Lembah Bujang

No. Tapak	Lokasi	Pentarikahan
4	Sungai Bujang	Kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi
5	Sungai Bujang	Kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi
6	Sungai Bujang	Kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi
8	Sungai Merbok kecil	Kurun ke-13 hingga ke-14 Masihi
11	Sungai Bujang	Kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi
12	Sungai Bujang	Kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi
13	Sungai Bujang	Kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi
14	Sungai Bujang	Kurun ke-9 hingga ke-10 Masihi
15	Sungai Bujang	Kurun ke-9 hingga ke-10 Masihi
16	Sungai Bujang	Kurun ke-9 hingga ke-10 Masihi
17	Sungai Bujang	Kurun ke-7 hingga ke-9 Masihi
18	Sungai Bujang	Kurun ke-11 hingga ke-13 Masihi
19	Sungai Bujang	Kurun ke-10 hingga ke-11 Masihi
21	Sungai Bujang	Kurun ke-11 hingga ke-12 Masihi
22	Sungai Bujang	Kurun ke-11 hingga ke-12 Masihi
31	Sungai Muda	Kurun ke-10 hingga ke-13 Masihi
50	Sungai Bujang	Kurun ke-10 hingga ke-12 Masihi

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4. Gunung

Bukit peranginan seperti Gunung Jerai, Tangga Kenari 1000 Tahun, Gunung Raya dan Gunung Bintang menjadi kelebihan kepada Lembah Bujang. Kedudukan tanah tinggi dan strategik mengalakkan pembangunan resort di kawasan sekitar seperti hotel Jerai Resort. Definasi tanah tinggi merujuk kepada kawasan yang lebih tinggi kedudukannya daripada tanah rata biasa tetapi lebih rendah daripada kawasan pergunungan. Gunung Jerai ialah bahagian tanah yang paling tinggi dalam daerah ini. Tanah tinggi lain yang penting di Lembah Bujang ialah Bukit Penjara, Bukit Batu Pahat, Bukit Pendiati, dan Bukit Meriam. Kemudian ke arah utara Lembah Bujang terletak Bukit Choras dengan ketinggian antara 57 meter hingga 874 meter dari aras laut. Keluasan tanah tinggi di semenanjung Malaysia ialah 2.6 juta hektar berbanding dengan 13.2 juta hektar keseluruhan keluasan kawasannya. Pada umumnya, tanah tinggi mempunyai ketinggian lebih daripada 300 meter dari aras laut. Kawasan ini kaya dengan habitat flora dan fauna di samping suhu yang rendah serta kelembapan yang tinggi di mana sesuai untuk aktiviti penanaman sayuran dan bunga. Selain itu, pelancong dapat melihat pemandangan yang indah apabila berada di puncak gunung seperti Gunung Jerai.

Jadual 2. Taburan ekopelancongan Tanah Tinggi di Malaysia

Bahagian	Lokasi	Ketinggian (meter)
Zon Utara Semenanjung Malaysia	Gunung Jerai, Kedah	1217
	Gunung Mat Chincang, Lngkawi	713
	Bukit Bendera, Pulau Pinang	830
	Bukit Larut Perak	1250
Zon Tengah Semenanjung Malaysia	Genting Highland Pahang	2000
	Cameron Highland, Pahang	1829
	Bukit Tinggi Pahang	2500
Zon Malaysia Timut	Bukit Fraser Pahang	1524
	Taman Negara Kinabalu Sabah	-
	Taman Negara Mulu Sarawak	4095

Sumber: Mapjabil et al., (2012)

Gunung Jerai pernah dikenali sebagai Kedah Peak, merupakan sebuah tanah tinggi yang terletak di pesisir pantai negeri Kedah dan dikelilingi oleh dataran pantai di bahagian Utara dan Selatan serta berbukit rendah di bahagian Timurnya. Gunung Jerai adalah gunung pantai yang mana dianggarkan terletak pada ketinggian setinggi 1217 meter dan mempunyai keluasan 8676 hektar (Jabatan Perhutanan Negeri Kedah,

2005). Gunung Jerai diwartakan sebagai hutan simpan pada tahun 1960. Gunung ini mempunyai sejarah tamadun manusia yang sangat lama dan bukti tinggalan artifak masih terpelihara dengan baik oleh pihak muzium Negeri. Sejarah geologi gunung Jerai juga menarik kerana batuan yang terdapat di gunung ini adalah antara yang terawal terbentuk di Malaysia, iaitu kira-kira 500 Juta tahun lalu. Gunung Jerai mempunyai entiti sendiri yang unik iaitu mempunyai banyak kepelbagaian tabii melalui kepelbagaian geologinya. Gunung Jerai mempunyai nilai warisan yang amat tinggi jika dilihat dari aspek warisan kerana ia mempunyai kesemua nilai-nilai warisan yang merangkumi nilai saintifik, nilai estetika dan nilai budaya dan sejarah yang tinggi. Hanum (2004) mengakui bahawa Gunung Jerai menjadi kelebihan kepada negeri Kedah seperti yang di jelaskan dalam buku beliau *Historical origins of Malaysia states (2004)* seperti berikut:

...The first area that come to sight after months of sea journey was Kedah, especially the summit of Gunung Jerai (Kedah Peak), which looked magnificent from the sea. Based on extensive archeological investigation, a systematic and organized settlement was discovered to have been situated around Gunung Jerai extending to the valley of the Merbok and Muda River and its surrounding areas. The Merbok River Estuary was considered suitable for travellers to moor their vessels, while the spectacular and imposing Gunung Jerai summit served as a landmark to traders and travellers alike...

5. Alam Semulajadi

Daerah Kuala Muda yang terletak dalam Lembah Sungai Merbok-Muda mempunyai lokasi yang strategik beserta tanah yang subur dan kaya dengan pelbagai sumber alam semulajadi menjadikannya kawasan yang penting untuk menampung keperluan penduduk di Pulau Pinang yang semakin meningkat pada kurun ke- 19 Masihi (Wan Shamsuddin, 2004).

Kerajaan negeri telah pun mewartakan sebanyak 17 kawasan sebagai destinasi utama pelancongan. Ianya dibahagikan kepada tiga zon utama iaitu Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan seperti jadual di bawah.

Jadual 3. Zon-zon utama pelancongan Negeri Kedah

Zon Utara	Zon Utara	Zon Utara
Pulau Langkawi	Gunung Jerai	H.Lipur Sungai Sedim
Bukit Kayu Hitam	Muzium Arkeologi Merbok	H.L. Bukit Hijau
H.L. Bukit Wang	Pantai Merdeka	H.L Lata Bayu
Pekan Rabu	H.L. Puncak Janing	Gunung Inas
Menara Alor Star	Tasik Pedu	Gunung Bintang
Muzium Padi	H.L Lata Mengkuang	Air Panas Ulu Lengong
Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir	Hutan Simpan Ulu Muda	
Masjid Zahir		

Sumber: Ahmad & Rahim (2006)

Sumber alam semula jadi dan pengembaraan telah dikenal pasti sebagai salah satu produk utama pelancongan negeri Kedah. Keadaan ini merujuk kepada potensi sumber semula jadi seperti hutan, gua yang dijadikan sumber berasaskan alam semulajadi. Tarikan-tarikan utama alam semula jadi terdiri daripada air terjun dan sungai, geologi dan gua, kepelbagaian biologi, tasik dan keindahan flora dan fauna.

Tarikan semula jadi merangkumi pelbagai jenis produk berasaskan alam sekitar seperti iklim, fizikal rupa bumi, pemandangan, pantai, dan laut. Kepelbagaian flora dan fauna dan lain-lain. Keindahan alam semula jadi adalah pendorong utama untuk aktiviti lawatan ke sesuatu kawasan. Sifat semula jadi persekitaran memberi kesan yang cukup besar kepada para pelancong. Landskap semula jadi yang menarik dengan keindahan fizikal geografi sesuatu tempat menawarkan suasana yang tenang dan damai kepada pelancong memberi kelebihan untuk menaikkan lagi pelancongan sekitar. Keadaan tanah tinggi, termasuk gunung-ganang sering menjadi tumpuan pelancong. Hal ini memberi kelebihan kepada Lembah Bujang kerana terdapat keadaan bentuk muka bumi sedemikian di mana keindahan alam semula jadi menjadi asset berharga untuk diketengahkan seperti hutan lipur, hutan paya bakau, rimba rekreasi, air terjun seperti Hutan lipur Batu Hampar, hutan lipur Lata Bayu, air terjun temurun, air terjun tasik Pedu.

Walau bagaimanapun, pemeliharaan kawasan semula jadi yang melibatkan industri pelancongan bergantung kepada sumber jaya sedia ada yang berpotensi ditawarkan kepada pelancong. Alam semula jadi merupakan salah satu asset yang digunakan bagi menarik kedatangan pelancong untuk melihat keindahan dan merasai pengalaman yang baru. Kesedaran terhadap kepentingan memelihara alam semulajadi di pelbagai peringkat iaitu kerajaan, swasta dan rakyat untuk masa depan menyebabkan penubuhan beberapa kawasan yang dilindungi (*protected area*).

Selain itu, meningkatkan kualiti alam sekitar iaitu pembangunan pelancongan di sesuatu tempat merubah keadaan fizikal dengan penyediaan pelbagai kemudahan pelancong. Pembangunan yang dilaksanakan mewujudkan persekitaran yang lebih indah dengan penyediaan lanskap yang lebih teratur dan mampu meningkatkan kualiti air, udara dan bunyi.

Kesimpulan

Kajian tapak warisan di negeri Kedah mempunyai pertalian yang rapat dengan persekitaran atau fenomenolism setempat. Fenomena yang terjadi di Kedah terutamanya Sekitar Lembah Bujang memangkin sektor arkeopelancongan dibangunkan. Lembah Bujang dapat dibangunkan berdasarkan tinggalan arkeologi yang diperoleh. Kesan pembangunan artifak arkeologi telah memajukan sektor pelancongan yang diertikan sebagai arkeopelancongan. Tinggalan sejarah yang berkaitan dengan orang Melayu kebanyakannya terletak tidak jauh dari tebing sungai. Sungguh pun dapat dikesan petempatan manusia dahulu kala di gua-gua, namun kebanyakan gua ini terletak berhampiran dengan punca air terutamanya sungai. Kubur purba atau makam-makan di raja juga ditemui berdekatan sungai. Sejak abad pertama Masihi, agama Hindu Buddha juga dikesan masuk ke Nusantara melalui lembangan sungai. Lembah Sungai Muda, Sungai Merbok Sungai Kedah menjadi lokasi pertumbuhan kerajaan Melayu di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Di lembangan sungai ini masih terdapat bukti tinggalan yang menandakan kewujudan kerajaan dan tamadun masa silam. Gunung Jerai merupakan suatu puncak yang tertinggi di Utara Semenanjung Malaysia dan semenjak beratus-ratus tahun dahulu sudah terkenal dengan keindahan lanskapnya serta kandungan flora dan fauna dan sejak sebelum abad Masihi lagi. Hutan simpan Gunung Jerai dan beberapa hutan lipur di sekelilingnya mempunyai satu warisan yang bernilai dan mempunyai potensi yang tinggi bagi sektor pelancongan di negeri Kedah dan meneroka nilai warisan dan sejarah di sebalik gunung Jerai. Dari segi geografinya, Lembah Bujang adalah sebuah pusat kerajaan terawal. Hari ini daerah ini merupakan jelapang padi yang kaya dengan tinggalan sejarahnya. Jumpaan bukti-bukti arkeologi membuktikan kewujudan tapak warisan arkeologi membuktikan bahawa nilai arkeopelancongan di Negeri Kedah harus dipelihara seiring dengan perkembangan dunia di era globalisasi yang memberi nilai tambah yang berharga.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan makalah ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- A. Malek, M. Z. (2006). *Pensejarahan Patani*. Universiti Malaya.
- Ahmad, W.Y.W & Ramli, M.R. (2006). Pembangunan Hutan Lipur di Negeri Kedah: Konsep dan pelaksanaan. Dlm. S. M. Ismail, W. Y. W. Ahmad, J. M.Som, Y. Muda dan A. Latif. *Hutan Simpan Gunung Jerai, Kedah: Pengurusan, persekitaran fizikal dan kepelbagaian biologi jabatan perhutanan Semenanjung Malaysia*. (pp.45-35) Intiprint Sdn. Bhd.
- Allen, J. (1988). *Trade, transportation and tributaries; exchange, agriculture and settlement distribution in early historic- Period Kedah, Malaysia*. University of Hawaii.
- Allen, J. (1998). History, archaeology, and the question of foreign control in early historic-period peninsular Malaysia. *Internasional Journal of Historical Archaeology* 2(4), 261-289.

- Braddel, R. (1980). *Most ancient Kedah*. Persatuan sejarah Malaysia.
- Darus, H. M. (2003). *Kedah dulu-dulu*. Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- English, R. (Ed.). (1999). *World travel dictionary*. Columbus Publishing.
- Evan, I. H. N. (1926). Result of an expedition to Kedah. *JFMSM 12*, 74-82.
- Gullick, J. M. (1969). *Indigenous political systems of Western Malaya*. The Athlone Press.
- Hanum, Z. (2004). *Historical Origin of Malaysian States*. Federal Publication.
- Ibrahim, J. A. (2001). Penilaian kemampunan konsep ekopelancongan di kawasan yang dilindungi: Kajian kes: Taman Negara Pahang. [Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia].
- Ibrahim, J. A & Ahmad, M. Z. (2008). *Perancangan dan pembangunan pelancongan*. Universiti Utara Malaysia.
- Khaw, N. R., Saidin, M, Zainun, N. (2019). *Lembah Sungai Merbok-Muda dalam sorotan sejarah lembah Sungai Merbok-Muda dalam sorotan sejarah*. Universiti Sains Malaysia
- Lamb, A. (1960). Report on the excavation and reconstruction of Candi Bukit Batu Pahat, Central Kedah. *Federation Museum Journal 5(4)*, 100-108..
- Leong, S. H. (1973). A study of ceramic depositions from Pengkalan Bujang Kedah. [Tesis sarjana. Universiti Malaya].
- Mapjabil, J, Chan, N. W., Mat Jusoh, A. T. (2012). *Pengetahuan, sikap dan amalan dalam ekopelancongan tanah tinggi Malaysia*. UUM Press.
- Nadarajah, V. (2012). *Bujang Valley the wonder that was Ancient Kedah*. Kuan Press Sdn Bhd.
- Nasir, A. H. (2005). *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- P. Sivaranjan & Zainal, Z. (2015). *Pengantar sejarah*. Sasbadi Sdn.Bhd.
- Quaritch, W. H. G. (1940). Archaeologi research on ancient India colonization in Malaya. *Journal of the Malayan branch Royal Asiatic society 18 (1)*, 1-85.
- Rahman, N. S. N. A Ramli, Z. & Sabtu, M. S. (2008). *Monumen Lembah Bujang*. Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Rahman, N. S. N. A. (1984). Art, archeology and the early kingdoms in the Malay Peninsular and Sumatra: 400-1400 A.D. [Tesis PhD, University of London].
- Rahman, N. S. N. A. (1992). Zaman protosejarah Malaysia. Dlm Z. A. A. Wahid, K.K.Kim, M. Y. Ibrahim, N. H. S. N. A. Rahman & M. A. Hassan (Eds.). *Malaysia warisan dan perkembangan* (pp. 85-95). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, N. S. N. A & Yatim, O.M. (1990). *Antiquities of Bujang Valley*. Museum Association of Malaysia.
- Rahman, N. S. N. A & Yatim, O.M. (1992). *Warisan Lembah Bujang*. Ahli Ikatan Arkeologi Malaysia.
- Rahman, N. S. N. A. (2002). *Arkeologi Pra Islam pesisir Selat Melaka evolusi atau migrasi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, N. S. N. A. (2015). Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 28(2),19-29.
- Sabtu, M. S. (2002). Bentuk-bentuk struktur Candi di Lembah Bujang. *Purba. 21(8)*, 85-95
- Sabtu, S. (2002). *Tamadun awal Lembah Bujang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahab, H. A. (2002). *Kawalan undang-undang terhadap pembangunan di tanah tinggi*. Universiti Utara Malaysia.
- Yatim, O. M. (1980). *Masalah pentarikan Lembah Bujang dan keramik-keramik dari Pengkalan Bujang*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Yusof, W. S. M. (2004). *Kedah dalam lipatan sejarah*. Universiti Utara Malaysia.